



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Panduan Pengurusan
**PROGRAM
TRANSFORMASI
DAERAH**

EDISI 3.0



ke arah pengurusan yang efisien dan efektif

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

Bahan *softcopy* boleh dimuat turun melalui pautan
link berikut:



<https://goo.gl/AcGUAT>

Diterbitkan oleh;

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya

Telefon: 603 8884 9370 Faks: 603 8888 6671

<http://www.moe.gov.my>

2017



Rujukan Kami : KPM.100-15/3/9 Jld. **5 (73)**
Tarikh : **15** Ogos 2017

**Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PANDUAN PENGURUSAN PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP) EDISI 3.0

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian selaku peneraju inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) telah menghasilkan **Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah Edisi 3.0** bagi membantu semua warga pendidik pada peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) memantapkan keberkesanan pelaksanaan program ini sejajar dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2020 untuk memacu peningkatan sistem dalam Gelombang ke-2 ini.

3. Sehubungan dengan itu, Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah Edisi 3.0 ini akan mula berkuat kuasa penggunaannya mulai **15 Ogos 2017**, dan surat kami KPMSP.100-15/3/1 Jld.6 (25) bertarikh 28 Disember 2015 berkaitan Penggunaan Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah Edisi 2.0 adalah **dibatalkan**. Namun pelaksanaan DTP3.0 adalah bermula pada bulan Mac 2017 selaras dengan keputusan mesyuarat BPSH bersama-sama Timbalan Pengarah Negeri Bilangan 1 pada 6 - 8 Mac 2017 dan Mesyuarat BPSH bersama-sama Timbalan Pengarah Negeri Bilangan 1 pada 17 – 19 Julai 2017.

“1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4166

4. Kerjasama dan jasa baik pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, adalah dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi **memastikan maklumat dan prosedur yang digarapkan dalam Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah Edisi 3.0 ini dipatuhi dan dimaklumkan kepada semua warga JPN dan PPD** di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi Cyril Christopher Singham melalui talian 03 8884 6962 atau Mzzleza binti Ab. Wahab melalui talian 03 8883 0636. Kerjasama dan keprihatinan tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



HAJI AMINUDIN BIN ADAM
Pegawai
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

spst/upt/rubiaton/

ISI KANDUNGAN

Bab		muka surat
	Tinta Kata Pengarah BPSH	3
	Pengenalan Program Transformasi Daerah	4 - 8
1	Pengupayaan Negeri dan Daerah	9 - 15
2	Perancangan dan Pelaksanaan Intervensi	16 - 21
3	Sokongan dan Kepakaran	22 - 30
4	Pembangunan Profesionalisme	31 - 34
5	Bimbingan Pegawai Pendidikan Daerah	35 - 37
6	Dialog Prestasi	38 - 43
7	Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah	44 - 47
8	Dashboard Prestasi KPM	48 - 50
	Rujukan	51 - 59
	Sekalung Penghargaan	60 - 61
	Lampiran	

TINTA KATA

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

Inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) dibangunkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk memberi tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah termasuk murid berkeperluan khusus bagi memacu prestasi sekolah dengan sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses secara jelas. Strategi pelaksanaan dan sistem sokongan yang mantap, merangkumi sistem penyampaian yang berkualiti dan kepimpinan yang cekap dan berkesan adalah kritikal bagi merealisasikan usaha peningkatan kemenjadian murid.

Ke arah mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh terus selesa dengan cara pemikiran lama. Oleh itu, semua warga BPSH, JPN dan PPD perlu melaksanakan transformasi terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian murid. Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Transformasi pendidikan dalam gelombang 2 PPPM (2016-2020) memacu peningkatan sistem yang menjurus kepada usaha mengukuhkan dan menantapkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah.

BPSH selaku peneraju inisiatif yang bertanggungjawab untuk memastikan DTP dilaksanakan dan mencapai objektif yang telah digariskan dalam PPPM. Justeru, Garis Panduan Pengurusan DTP Edisi 3.0 diterbitkan dengan memberi lebih penekanan kepada kuadron pertama kerangka konsep DTP iaitu mengupaya kepimpinan di JPN, PPD dan sekolah.

Semoga garis panduan yang dihasilkan ini akan menjadi wadah rujukan kepada semua pihak yang terlibat supaya dapat menjana keberkesanan dalam setiap tindakan dan intervensi selari dengan matlamat transformasi pendidikan negara. Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan garis panduan ini.

Akhir kata, saya percaya PPPM 2013-2025 akan dapat dijayakan dengan usaha bersepadu dalam kerja sepasukan. Bersama-samalah kita bergerak sederap dan senada dalam usaha memajukan pendidikan di negara kita.

Sekian, terima kasih.



Tuan Haji Aminudin bin Adam
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

PENGENALAN

1. Latar Belakang
2. Komponen utama Program Transformasi Daerah



LATAR BELAKANG

Malaysia telah mencapai kejayaan sejak kemerdekaan melalui peluasan akses kepada pendidikan dan peningkatan standard, terutama dari segi penguasaan literasi dan penyertaan murid di sekolah. Walaubagaimanapun, jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar, murid lelaki dan perempuan, serta jurang pencapaian berdasarkan latar belakang sosioekonomi masih signifikan dan menjadi penyebab jurang ekuiti yang besar.

Sistem pendidikan berprestasi tinggi menyediakan **pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak** tanpa mengira kedudukan geografi, jantina atau latar belakang sosioekonomi. Setiap sekolah, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, akan menyediakan pendidikan yang baik dan holistik kepada murid.

Sekolah memerlukan set intervensi yang berlainan supaya bersesuaian dengan tahap prestasi sekolah yang berbeza-beza. Amalan pengurusan negeri dan daerah yang baik menjadi kunci untuk meningkatkan pencapaian sekolah secara ketara dan mengekalkan jurang pencapaian yang kecil antara sekolah berprestasi tinggi dengan sekolah berprestasi rendah. Sistem pendidikan berprestasi tinggi termasuk Singapura, Korea Selatan dan United Kingdom turut menunjukkan bahawa kejayaan transformasi pendidikan dipacu oleh perubahan melalui lapisan pertengahan yang berkesan, iaitu lapisan pengurusan antara Kementerian dengan sekolah.

Anjakan keenam yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memberi penekanan kepada **pengupayaan JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan**. Pemimpin negeri, daerah dan sekolah mempunyai lebih kuasa untuk membuat keputusan berkenaan operasi harian dan intervensi khusus mengikut konteks sekolah dan membolehkan pengurusan berasaskan sekolah yang lebih luas.



Kementerian Pendidikan Malaysia terus bertekad untuk meningkatkan pencapaian murid dengan menyediakan sistem pendidikan yang efisien.

Peningkatan kualiti, ekuiti dan akses dalam pendidikan akan terus diperkukuh untuk memastikan kelangsungan kejayaan yang telah dicapai sejak negara mencapai kemerdekaan.

(PPPM 2013 - 2025)



Matlamat Program Transformasi Daerah

Mempertingkatkan kualiti pendidikan sekolah-sekolah dalam kawalan PPD dan JPN.

Pada 2010, Kementerian melancarkan Program Peningkatan Sekolah (SIP) di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan. Program Peningkatan Sekolah menyediakan sokongan bersasaran kepada sekolah Band 6 dan 7 melalui pembimbing pengetua/guru besar, dan guru serta peningkatan pemantauan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk meningkat prestasi sekolah. Kejayaan Program Peningkatan Sekolah mengesahkan kepentingan menyasarkan sekolah berprestasi rendah.

Usaha ini diteruskan melalui Program Transformasi Daerah (DTP) dengan memberi tumpuan kepada lebih pengupayaan dan kebertanggungjawaban kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan PPD. Kedua-dua organisasi ini berada di barisan hadapan dan paling hampir dengan sekolah. Maka, mereka berada dalam kedudukan yang paling baik untuk membantu sekolah. Program Transformasi Daerah memberi tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah termasuk murid berkeperluan khusus untuk memacu prestasi sekolah.



KOMPONEN UTAMA

Program Transformasi Daerah berteraskan konsep sokongan dan akauntabiliti dengan empat komponen utama.



Kementerian akan memastikan JPN dan PPD diperkukuh dan ditumpukan semula dalam usaha menyokong pembelajaran murid dan meningkatkan pencapaian keseluruhan sekolah.

(PPPM 2013 - 2025)

01. Mengupaya kepimpinan tempatan

Kementerian telah menyemak semula peranan dan tanggungjawab sedia ada bagi menyediakan saluran penyampaian yang lebih jelas dari peringkat pusat ke peringkat sekolah.

Peranan JPN dan PPD telah berubah akan ditentukan semula bagi memberikan lebih banyak hak kepada mereka membuat keputusan dan berinteraksi secara langsung dengan sekolah. Peningkatan keluwesan operasi ini membolehkan JPN dan PPD menyesuaikan dasar dan program yang lebih menepati keperluan khusus sekolah mereka.

Kementerian mengekalkan fungsi penggubalan dasar dan perancangan makro. Jabatan Pendidikan Negeri memberi tumpuan kepada penyelarasan dan penyampaian rancangan, menjadi penghubung yang penting antara penggubal dasar dengan pelaksana di peringkat bawah. Pejabat Pendidikan Daerah bertindak sebagai rakan pembantu dan pemantau sekolah.

02. Memberi sokongan kepada organisasi yang paling memerlukan

Berdasarkan analisis data dan punca masalah, PPD membangunkan intervensi dan penyelesaian setempat yang menepati keperluan sekolah untuk menangani pelbagai isu dan cabaran.

Jawatan Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) diwujudkan untuk memberi bimbingan dan sokongan kepada Pengetua dan Guru Besar ke arah peningkatan kualiti kepimpinan dan pengurusan organisasi.

Jawatan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) diwujudkan untuk membimbing guru ke arah peningkatan kualiti pengajaran, dan meningkatkan kefahaman dasar, kurikulum baharu dan pentaksiran kepada guru yang dibimbing.

03. Menambat akses, kualiti, dan ekuiti

Transformasi pendidikan yang dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia disusun mengikut tiga gelombang seiring dengan penambahbaikan keupayaan dan kebolehan sistem serta berasaskan objektif yang bersasaran dan jelas.

Semua daerah dan sekolah kekal sejajar dengan keutamaan strategik Kementerian dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang standard.

Satu pangkalan data pendidikan bersepadu diwujudkan supaya analisis prestasi sehingga peringkat sekolah boleh dicapai dengan cepat melalui papan pemuka (dashboard) bersepadu.

Penilaian Kecemerlangan PPD diadakan untuk mengenalpasti tahap dan potensi PPD dari aspek kepimpinan, pengurusan organisasi dan keberhasilan. Penilaian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti amalan terbaik dan aspek penambahbaikan berterusan dalam kalangan PPD supaya sokongan dan intervensi berfokus boleh disalurkan kepada PPD yang paling memerlukan.

04. Disiplin pemantauan, penyelesaian masalah, dan pengambilan tindakan

Dialog prestasi diwujudkan sebagai mekanisme pemantauan pada setiap peringkat bagi memastikan sekolah, daerah dan negeri berada pada landasan yang betul.

Dialog prestasi membincangkan prestasi pendidikan berdasarkan data dan fakta bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, diikuti dengan semakan semula pelan pelaksanaan serta disusuli dengan tindakan yang mantap dan berfokus bagi mencapai sasaran KPI.

Varians dalam pencapaian menunjukkan bahawa melalui disiplin dan kemahiran pentadbiran semata-mata, beberapa negeri dan daerah telah berjaya mendorong peningkatan ketara meningkatkan pencapaian di semua sekolah dan mengekalkan jurang pencapaian yang kecil antara sekolah berprestasi tinggi dengan sekolah berprestasi rendah.

(PPPM 2013 - 2025)



PENGUPAYAAN NEGERI DAN DAERAH

1. Penstrukturan Kementerian dan Perubahan Peranan
2. Struktur Pengurusan Program Transformasi Daerah
3. Peranan dan Akauntabiliti PPD
4. Prinsip Pengurusan Organisasi

1



Pengenalan

Transformasi pendidikan perlu mempunyai pemimpin yang berwibawa di setiap peringkat, proses dan struktur baharu serta budaya berprestasi tinggi. Kementerian telah memperkemas peranan dan tanggungjawab pada peringkat bahagian, negeri dan daerah untuk memberi lebih pengupayaan kepada “lapisan pertengahan” penyampaian pendidikan, iaitu JPN dan PPD.

Program Transformasi Daerah menyasarkan peningkatan keberhasilan murid di sekolah berprestasi rendah menerusi sokongan dan bantuan terbeza daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

(PPPM 2013 - 2025)

PERUBAHAN PERANAN

Peranan Bahagian di Kementerian

- Penggubalan dasar dan perancangan makro
- Menyediakan perkhidmatan berpusat seperti pengumpulan data, pembangunan kurikulum dan pentaksiran pusat

Peranan Jabatan Pendidikan Negeri

- Penyelarasan dan penyampaian perancangan
- Memantau pelaksanaan kurikulum dan kualiti pedagogi dalam negeri
- Menetapkan sasaran dan memantau prestasi daerah
- Mengagihkan sumber manusia dan kewangan kepada daerah mengikut keperluan
- Menyelaraskan dan menyediakan latihan untuk peningkatan kemahiran pegawai PPD
- Memudahkan kerjasama antara daerah
- Mengenal pasti dan berkongsi amalan terbaik merentasi daerah


Peranan Pejabat Pendidikan Daerah

- Barisan hadapan dan sokongan peningkatan prestasi sekolah
- Menetapkan sasaran dan memantau prestasi sekolah
- Membuat analisis data dan membantu sekolah mengenal pasti punca isu, serta merancang pelan intervensi untuk meningkatkan prestasi sekolah
- Mengadakan dialog prestasi untuk membincangkan isu dan cara penyelesaian
- Memberi sokongan bimbingan dan pementoran kepada sekolah dari segi kemahiran pedagogi & pengurusan sekolah
- Mengagihkan sumber manusia dan kewangan kepada sekolah mengikut keperluan
- Membantu sekolah melindungi masa instruksional
- Memudahkan kerjasama antara sekolah
- Mengenalpasti dan berkongsi amalan terbaik merentasi sekolah

STRUKTUR PENGURUSAN

Bagi meyokong pelaksanaan DTP, pegawai pada semua peringkat perlu mengamalkan budaya kerja yang menjurus kepada penyelesaian masalah serta pemikiran kreatif dan inovatif. Pasukan JPN dan PPD perlu berkaliber, berdedikasi dan berintegriti bagi mencapai matlamat diri dan hala tuju organisasi.

Dalam usaha memastikan sistem penyampaian berlaku dengan lebih efisien dan efektif serta mengurangkan budaya kerja secara *silos*, Pasukan Petugas DTP ditubuhkan pada semua peringkat pengurusan pentadbiran.



*Peranan Pasukan Petugas DTP adalah tertakluk di bawah kawalan Pengurus Program di JPN atau di PPD.

PERANAN DAN AKAUNTABILITI PPD


Pihak PPD terutamanya, telah dikenal pasti oleh Kementerian sebagai agensi utama dalam rantai penyampaian pendidikan. Sejak sekian lama, PPD dianggap sebagai cabang pentadbiran peringkat Kementerian dan JPN. Disebabkan keperluan sekolah semakin meningkat, maka skop aktiviti yang dilaksanakan oleh PPD juga semakin meningkat. Sebagai entiti Kementerian yang paling hampir dengan sekolah, PPD diharapkan dapat melaksanakan peranan dengan lebih praktikal. .

PPPM 2013 - 2025

(Hal.E-22)

Skop Kerja Pegawai Pendidikan Daerah

Pegawai Pendidikan Daerah perlu berfokus kepada kepimpinan instruksional dan sekolah yang paling memerlukan bimbingan. Bagi memastikan penyelesaian khusus berasaskan keperluan tempatan dan penambahbaikan prestasi sekolah secara sistematik, Pegawai Pendidikan Daerah perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut pembahagian peratus masa yang ditetapkan seperti jadual di bawah.



Pegawai Pendidikan Daerah harus meminimumkan pelibatan dalam majlis dan upacara yang bersifat *ceremonial* dan bukan berunsur bimbingan.

Pegawai Pendidikan Daerah sebagai entiti kementerian yang paling hampir dengan sekolah, diharapkan dapat menyediakan sokongan secara langsung dalam membantu mengurus dan memantau prestasi sekolah. Sokongan yang diberi adalah berdasarkan Model Bimbingan Instruksional agar pelaksanaannya lebih efektif digunakan untuk meningkatkan prestasi dan kualiti sekolah. Model 5 langkah seperti di bawah boleh diaplikasikan dalam proses bimbingan Instruksional.



“Di bawah Anjakan ke-6 PPPM ini, setiap PPD perlu memahami bahawa kejayaan DTP diukur dari segi tahap kepimpinan, cara bekerja, akauntabiliti, efikasi dan kelangsungan usaha yang berterusan. Kejayaan program rintis DTP di Sabah dan Kedah melalui program yang berstruktur dan sistematik membuktikan proses penambahbaikan prestasi sekolah dapat dipacu oleh Pejabat Pendidikan Daerah.”

(Petikan Teks Ucapan Yang Berhormat Dato’ Seri Idris Bin Jusoh dalam Persidangan MPPM 2014)

Skop Kerja Pengurus Program DTP

Pengurus Program DTP mengetuai pasukan DTP peringkat daerah dan memegang peranan berikut:

- Memantau, mengukur dan melaporkan prestasi sekolah kepada PPD
- Memberi bimbingan dan sokongan kepada sekolah secara berterusan dan berkesan
- Merancang program sokongan dan intervensi berpandukan data dan berfokus kepada program / aktiviti yang kritikal dan berimpak tinggi
- Memantau pelaksanaan Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL)
- Memastikan pengurusan kewangan DTP berasaskan keberhasilan (*outcome based budgeting*, OBB)
- Memastikan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) dan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dijalankan mengikut keperluan daerah
- Mengurus tindak susul dan penambahbaikan berterusan pelaksanaan DTP



Skop Kerja Pasukan Petugas DTP

Peranan Pasukan Petugas DTP adalah tertakluk di bawah kawalan Pengurus Program di JPN atau di PPD bagi memastikan pengurusan Program Transformasi Daerah dilaksanakan dengan lancar, terurus, cekap dan berkesan.



PENGURUSAN ORGANISASI

Aspek Pengurusan

Pengurusan terdiri daripada proses merancang, menyusun, memimpin dan mengawal usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan semua sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi.

Pengurusan adalah penting untuk:

- Memastikan matlamat organisasi tercapai.
- Memastikan kelancaran perjalanan keseluruhan sesebuah organisasi.
- Memastikan segala sumber, iaitu semua faktor pengeluaran dalam organisasi digunakan secara optimum dan berkesan.
- Memastikan semua sumber (faktor pengeluaran) dalam organisasi dapat diselaras dan diagihkan dengan baik dan teratur.
- Memastikan tiada pembaziran sumber (faktor pengeluaran) dalam organisasi.

Penurunan lebih kuasa dan kebertanggung-jawaban yang diletakkan atas bahu JPN dan PPD akan membolehkan semua keputusan yang dibuat menjadi lebih bermakna.

(PPPM 2013 - 2025)

Prinsip Pengurusan dalam Memastikan Kecekapan dan Keberkesanan Sesebuah Organisasi

Kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi perlu berlandaskan 4 prinsip pengurusan yang terdapat dalam kerangka P-O-L-C, iaitu *Planning* (Merancang), *Organizing* (Mengelola), *Leading* (Memimpin) dan *Controlling* (Mengawal).



PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN INTERVENSI

1. Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL)
2. Pengurusan Peruntukan DTP
3. Pengurusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

2




Pengenalan

Selaras dengan autonomi dan keluwesan operasi yang diberikan kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk menyokong sekolah, PPD juga dibekalkan dengan peruntukan berdasarkan keberhasilan bagi melaksanakan penyelesaian berfokus di daerah masing-masing.

Bagi memastikan ekuiti dalam penyampaian pendidikan, Kementerian telah mengambil kira faktor geografi, keperluan khusus negeri serta kualiti perancangan dalam memberikan peruntukan.

PELAN INTERVENSI LIMA LANGKAH

Konsep perancangan pelan intervensi lima langkah diperkenalkan untuk membantu PPD mengenalpasti punca isu setempat, memilih intervensi berimpak besar dan seterusnya membuat perancangan intervensi.



Peningkatan keluwesan operasi ini membolehkan JPN dan PPD menyesuaikan dasar dan program yang lebih menepati keperluan khusus sekolah mereka.

Keutamaan awal adalah untuk sekolah yang berprestasi rendah termasuk sekolah untuk murid berkeperluan khusus seperti peribumi dan kumpulan minoriti lain.

(PPPM 2013 - 2025)

Langkah 1: Mengenal pasti kumpulan sasaran

- **Mengenal pasti data** yang boleh menggambarkan pencapaian sekolah dan relevan dengan keperluan setempat.
- Contoh data yang boleh dirujuk merangkumi gred purata mata pelajaran, peratus penguasaan literasi dan numerasi, kehadiran murid, markah SKPM dan lain-lain.


Langkah 1: Mengenal pasti kumpulan sasaran (*sambungan m/s 17*)

- Membuat analisis data dan **mengenal pasti sasaran** spesifik sekolah yang memerlukan intervensi khusus.
- Kumpulan sasaran adalah kelompok murid / guru / pemimpin sekolah / pegawai yang paling memerlukan intervensi, bukannya semua (*one-size-fits-all*)

Langkah 2: Mengenal pasti punca masalah

- Bangunkan "*issue tree*" secara mendalam dan **mengenal pasti punca sebenar isu** ke akar umbinya.
- Mengenal pasti setiap punca yang menyumbang kepada isu.
- Mengesahkan bahwa setiap punca isu adalah benar dan disokong dengan analisis data.
- Punca isu adalah perkara di bawah kawalan dan pengaruh PPD dan tidak berbentuk menyalahkan pihak lain.
- **Berfokus kepada punca isu yang utama** berdasarkan impaknya kepada keberhasilan murid dan bilangan murid yang terjejas.

Pembangunan *Issue Tree*



Langkah 3: Sumbang saran cadangan intervensi

- Menyenaraikan **semua pilihan intervensi** secara kreatif berdasarkan setiap punca isu yang telah diutamakan.
- Memastikan intervensi **menjurus ke arah kumpulan sasaran**.
- Memastikan intervensi adalah **relevan dan dapat menyelesaikan isu** dengan berkesan.

Langkah 4: Menyusun intervensi berdasarkan keutamaan

- Dengan kekangan kewangan dan sumber manusia, PPD tidak boleh melaksanakan semua program. PPD perlu memilih dan berfokus hanya kepada intervensi yang berimpak tinggi dan mudah dilaksanakan.
- Mempertimbangkan intervensi berdasarkan **kebolehlaksanaan** program termasuk keadaan kewangan di PPD, bidang kuasa dan pengaruh PPD serta jangka masa yang diperlukan.
- Mempertimbangkan intervensi berdasarkan **impak program** termasuk keadaan kewangan di PPD, bidang kuasa dan pengaruh PPD serta jangka masa yang diperlukan.

Langkah 5: Membangunkan pelan tindakan

- Memberi tumpuan kepada aktiviti yang menjurus kepada **bidang keutamaan DTP** dan keberhasilan murid.
- Permohonan peruntukan PILL mesti mengambil kira **keperluan sebenar** di PPD, tidak melibatkan tugas hakiki atau aktiviti yang telah mempunyai peruntukan lain dan mengamalkan perbelanjaan berhemah.

Langkah penyemakan dan kelulusan peruntukan Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL)

1. PPD memanjangkan pelan intervensi yang dibangunkan kepada JPN untuk semakan.
2. JPN mengadakan sesi pengukuhan perancangan pelan intervensi dengan PPD dan menambahbaik pelan intervensi PPD berdasarkan bidang keutamaan DTP, isu kritikal di PPD dan impak program.
3. BPSH mengadakan sesi semakan dan meminda permohonan peruntukan intervensi PPD berdasarkan peruntukan kewangan semasa dan impak program.
4. BPSH membentangkan permohonan bajet PILL 2017 untuk kelulusan pengurusan tertinggi.
5. BPSH memaklumkan kepada JPN dan PPD pelan intervensi dan jumlah peruntukan yang diluluskan.

Setiap sekolah, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, akan menyediakan pendidikan yang baik dan holistik kepada murid. Hal ini bermakna bahawa menjelang tahun 2020, tidak akan ada lagi sekolah berprestasi rendah (Band 6 atau 7) di negara ini.

(PPPM 2013 - 2025)

PENGURUSAN PERUNTUKAN

Peruntukan Program Transformasi Daerah yang diberi kepada PPD adalah berdasarkan Pelan Intervensi Lima Langkah yang telah disediakan oleh PPD mengikut bidang keutamaan DTP.

Petugas pengurusan kewangan DTP pada peringkat negeri dan daerah dipertanggungjawabkan untuk memantau perbelanjaan peruntukan dan keberhasilan pelaksanaan program.

Perancangan program dan permohonan peruntukan

- PPD mendapat kelulusan pelan tindakan dan peruntukan pelaksanaan intervensi.

Pelaksanaan program dan perbelanjaan

- PPD melaksanakan program berdasarkan pelan intervensi PILL yang diluluskan.
- PPD menguruskan perolehan dan perbelanjaan mengikut peraturan kewangan dan garis panduan pengurusan kewangan semasa yang ditetapkan.
- PPD mengamalkan perbelanjaan berhemah dan value for money.

Perekodan perbelanjaan

- PPD merekod dan mendaftarkan urusan perolehan dan tuntutan pembayaran dalam portal kewangan PADU.
- PPD melaporkan prestasi kewangan setiap bulan kepada BPSH melalui portal pelaporan PILL PADU pada atau sebelum 5hb bulan berikutnya.

Keberhasilan pelaksanaan

- PPD menganalisis dan melaporkan status pelaksanaan intervensi setiap bulan kepada BPSH melalui portal pelaporan PILL PADU pada atau sebelum 5hb bulan berikutnya.
- PPD melaporkan keberhasilan pelaksanaan intervensi kepada BPSH 2 kali setahun.
- PPD membuat penilaian aktiviti berdasarkan prinsip *value for money* bagi tujuan penambahbaikan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Kementerian telah menetapkan satu set petunjuk prestasi utama (KPI) yang dilatakan dari peringkat Kementerian hingga ke sekolah bagi memastikan matlamat keseluruhan sistem adalah tekal dan terselaras.

KPI ini adalah berdasarkan aspirasi sistem pendidikan yang berteraskan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Pengesanan pencapaian KPI dijalankan secara tahunan pada setiap peringkat bermula dari peringkat kebangsaan hingga ke JPN, PPD dan sekolah.

Pemantauan prestasi KPI secara berterusan adalah penting untuk menyemak keberkesanan intervensi supaya strategi pelaksanaan boleh dikaji semula dan tindakan pembetulan atau penambahbaikan boleh diambil dengan segera sekiranya perlu.

Langkah Pengurusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Petugas pengurusan kewangan DTP pada peringkat negeri dan daerah dipertanggungjawabkan untuk menetapkan sasaran KPI, memantau dan melaporkan pencapaian KPI.

1. Menerima KPI peringkat kebangsaan dan negeri.
2. Menganalisis data dan menetapkan sasaran KPI PPD yang selaras dan menyokong KPI negeri dan kebangsaan. Sasaran yang ditetapkan perlu memenuhi ciri spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik dan perlu dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.
3. Memaklumkan sasaran KPI kepada semua warga PPD.
4. Menyelaraskan sasaran KPI sekolah supaya menyokong ke arah mencapai KPI daerah.
5. Memanjangkan sasaran KPI kepada KPM dan JPN untuk pengesahan.
6. Melaksanakan intervensi yang menjurus ke arah pencapaian sasaran KPI.
7. Mengukur dan memantau prestasi KPI sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
8. Mengambil tindakan susulan (langkah pembetulan atau penambahbaikan) terhadap pencapaian KPI sekiranya perlu.
9. Mengkaji semua sasaran KPI sekiranya perlu.

Di setiap negeri, PPD akan disenaraikan mengikut pencapaian berdasarkan KPI ini bagi membantu JPN mengenal pasti daerah yang memerlukan lebih sokongan, dan faktor yang menyebabkan prestasi mereka lemah. Amalan yang sama juga akan dijalankan di setiap daerah.

Dalam hal ini, PPD dapat menggunakan band pencapaian NKRA dan pencapaian sekolah berbanding KPI ini untuk agihan sumber kepada sekolah yang paling memerlukannya.

(PPPM 2013 - 2025)

SOKONGAN DAN KEPAKARAN

1. Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+)
2. Pembimbing Pakar Rakan peningkatan Sekolah (SISC+)
3. Peranan dan Tanggungjawab
4. Bimbingan dan Pementoran
5. Penempatan dan Pertukaran

3



Pengenalan

Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner*, SIPartners+) dan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches*, SISC+) ialah perjawatan yang diwujudkan di Pejabat Pendidikan Daerah bagi menjayakan Program Transformasi Daerah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

Peranan SIPartners+ dan SISC+ sebagai barisan hadapan untuk menerajui peningkatan standard dan prestasi sekolah amat penting untuk menyokong peningkatan sistem dalam Gelombang 2 pelaksanaan PPPM (2016 – 2020). Pemantapan peranan ini melibatkan bimbingan kepimpinan pengetua dan guru besar oleh SIPartners + serta bimbingan pedagogi untuk guru oleh SISC+ untuk meningkatkan pencapaian sekolah berprestasi rendah dan merapatkan jurang pencapaian.


Kementerian akan menempatkan pembimbing guru dan pengetua/guru besar (SISC+ dan SIPartners+) di sekolah dalam Band 5, 6 dan 7, yang kebanyakannya adalah sekolah luar bandar.

(PPPM 2013 - 2025)

RAKAN PENINGKATAN SEKOLAH (SIPartners+)

SIPartners+ berperanan sebagai pembimbing kepada pengetua dan guru besar dalam aspek kepimpinan dan pengurusan bagi meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah.

Program ini memberikan sokongan pembangunan profesional untuk PGB di sekolah berprestasi rendah. PGB akan mendapat manfaat daripada bimbingan langsung yang intensif daripada SIPartners+. Program ini bertujuan memastikan sokongan pembangunan profesional secara individu diberikan kepada PGB terpilih.



PEMBIMBING PAKAR RAKAN PENINGKATAN SEKOLAH (SISC+)

Kementerian memperkenalkan perjawatan SISC+ sebagai salah satu langkah untuk melahirkan golongan pendidik berkemahiran tinggi dan meningkatkan kualiti penyampaian kurikulum.

SISC+

bertanggungjawab memberikan bimbingan mengikut ketiga-tiga dimensi yang saling berkait, iaitu kurikulum, pentaksiran, dan pedagogi. SISC+ akan memfokus pada bimbingan berasaskan sekolah untuk guru di sekolah band rendah.

(PPPM 2013 – 2025)

SISC+ sebagai Pembimbing Guru

Bidang tugas SISC+ adalah untuk membimbing guru dalam aspek pedagogi, pentaksiran dan kurikulum. SISC+ membimbing guru ke arah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah yang lebih menarik dan berkesan selaras dengan perkembangan semasa.

Guru akan dibimbing untuk menggunakan elemen didik hibur, teknologi dan amalan pedagogi kreatif dan inovatif untuk menarik minat murid. Guru juga dibimbing untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdP selaras dengan keperluan abad ke-21. Bimbingan ini menjurus ke arah PdP berkesan dan tidak hanya berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Hal ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan murid berfikiran global, futuristik, mengutamakan nilai, dan mempunyai jati diri yang tinggi dalam kehidupan seharian.

Peranan SISC+ berfokus kepada bimbingan untuk guru di sekolah berprestasi rendah (Band 5, 6 dan 7). Langkah ini bertujuan menyediakan peluang dan sokongan yang diperlukan oleh guru bagi menggalakkan peningkatan kemahiran dan kecemerlangan mereka dalam PdP.

Keberhasilan

- Peningkatan kualiti PdP guru berdasarkan SKPMg2 Standard 4
- Peningkatan GPMP / markah bagi kelas yang diajar oleh guru

Aspek Bimbingan


- Bimbingan intervensi
- Dasar pendidikan dan program yang diluluskan

Peranan dan Tanggjawab

- Bertanggungjawab kepada ketua jabatan
- Pembimbing guru
- Pakar rujuk dalam bidang pedagogi dan kurikulum (pembelajaran)

Sumbangan Profesionalisme

- *Professional Learning Community (PLC)*
 - ⇒ Dalam daerah
 - ⇒ Antara daerah
 - ⇒ Antara negeri
- Penulisan mengenai bidang kepakaran
- Perkongsian amalan terbaik




SISC+ sebagai Penyampai Dasar

Kewujudan pelbagai lapisan penyampaian pelaksanaan menyebabkan berlakunya kecairan dalam sistem penyampaian. SISC+ berperanan sebagai penghubung antara pihak kementerian dengan sekolah dalam penyampaian kurikulum dan pentaksiran.

SISC+ menggantikan jurulatih bagi mengurangkan lapisan penyampaian, sekali gus mengurangkan kemungkinan berlakunya kecairan.

Peranan ini merangkumi tanggungjawab membimbing guru untuk melaksanakan kurikulum dan pentaksiran baharu di dalam bilik darjah dan memantau keberkesanan pelaksanaannya.



Pengetua / guru besar berprestasi rendah akan mendapat manfaat daripada bimbingan langsung yang intensif daripada SIPartners+.

Semua program ini bertujuan memastikan sokongan pembangunan profesional secara individu diberikan kepada setiap pengetua/ guru besar.

(PPPM 2013 - 2025)

SISC+ sebagai Pakar Pedagogi

Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 36/2016 telah memutuskan perubahan peranan SISC+ daripada pembimbing berdasarkan mata pelajaran kepada pembimbing pedagogi dan kurikulum secara menyeluruh dalam bidang pembelajaran. Ini adalah bagi memastikan kepakaran dan bidang yang lebih generik pada bahagian, JPN, dan PPD.

2013-2016	Bermula 2017
<ul style="list-style-type: none"> • Pembimbing guru mengikut mata pelajaran • Pembimbing guru mengikut tahap rendah dan menengah • Setiap SISC+ membimbing 25-30 guru • Bimbingan ke semua sekolah dalam daerah. 	<ul style="list-style-type: none"> • SISC+ membimbing guru berdasarkan keperluan sekolah yang perlu dibimbing, merentasi mata pelajaran dan tahap sekolah. • PPD diberi keluwesan bilangan guru dibimbing bagi setiap SISC+ berdasarkan keperluan tempatan dan berpandukan analisis data. • Bimbingan berfokus kepada sekolah berprestasi rendah dalam daerah.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab utama SIPartners+ dan SISC+ merangkumi:

1. Mengadakan lawatan bimbingan PGB/GDB di sekolah untuk pemerhatian dan bimbingan.
2. Menerima dan melaksanakan CPD, PLC, serta jaringan/jalinan.
3. Membuat pelaporan kepada Pegawai Pendidikan Daerah/Timbangan Pengarah untuk tindakan susulan dan intervensi.
4. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

Agihan Tugas Harian SIPartners+

Agihan Tugas Harian SISC+

<p>Bimbingan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat perancangan berdasarkan data • Mengadakan lawatan bimbingan pemimpin sekolah di sekolah bagi pemerhatian dan bimbingan • Membimbing pemimpin sekolah melaksanakan dasar pendidikan dan program yang diluluskan oleh pusat. 	<p>60%</p>	<p>Bimbingan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat perancangan berdasarkan data • Membimbing guru di sekolah <i>band</i> rendah bagi melaksanakan kurikulum, pentaksiran dan pedagogi yang menarik, kreatif, dan inovatif untuk meningkatkan impak PdP • Pakar rujuk dalam bidang pedagogi dan kurikulum (pembelajaran).
<p>Latihan (CPD) dan PLC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerima dan melaksanakan Perkembangan Profesionalisme Berterusan (CPD), Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dan jaringan/jalinan. 	<p>20%</p>	<p>Latihan (CPD) dan PLC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerima dan melaksanakan Perkembangan Profesionalime Berterusan (CPD) , Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dan jaringan/jalinan.
<p>Pelaporan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat laporan, tindakan susulan, intervensi sekolah • Melaporkan kepada Ketua Jabatan dan mengambil tindakan susulan dan intervensi. 	<p>15%</p>	<p>Pelaporan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat laporan, tindakan susulan, intervensi guru • Melaporkan kepada Ketua Jabatan dan mengambil tindakan susulan dan intervensi.
<ul style="list-style-type: none"> • Tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan 	<p>5%</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan

BIMBINGAN DAN PEMENTORAN

Pemilihan Pengetua / Guru Besar dan Guru Dibimbing

Bimbingan SIPartners+ dan SISC+ membantu pemimpin sekolah dan guru untuk meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan di sekolah. Pemilihan sekolah dan pengetua / guru besar serta guru dibimbing diputuskan melalui perbincangan bersama-sama Pegawai Pendidikan Daerah (atau Pengarah JPN bagi negeri tanpa daerah). Makluman kepada sekolah terpilih perlu dibuat oleh PPD / JPN. Bilangan pengetua dan guru besar serta guru dibimbing bergantung kepada bilangan sekolah yang dikenal pasti berprestasi rendah (fokus kepada sekolah Band 5, 6, dan 7) berdasarkan data analisis peringkat JPN/PPD masing-masing.

SIPartners+ dan SISC+ juga tidak boleh membimbing pengetua, guru besar atau guru dibimbing yang mempunyai pertalian persaudaraan atau hubungan keluarga.

Langkah 1

Pemilihan Sekolah

- Analisis data untuk mengenal pasti sekolah berprestasi rendah dalam daerah, berfokus kepada:
 - ⇒ Sekolah *band* 5, 6, dan 7
 - ⇒ Sekolah *band* 4 sekiranya tiada sekolah berprestasi rendah dalam negeri
 - ⇒ Sekolah yang tidak mencapai standard mengikut SKPMg2
- Kelulusan Pegawai Pendidikan Daerah

Langkah 2

Pemilihan Pengetua / Guru Besar dibimbing


- Pengetua atau guru besar daripada senarai sekolah yang diluluskan oleh PPD
- Tidak mempunyai masalah kesihatan fizikal dan psikologi yang kritikal

Pemilihan Guru dibimbing

- Guru opsyen / bukan opsyen daripada senarai sekolah yang diluluskan oleh PPD
- Cadangan pengetua / guru besar berdasarkan laporan pencerapan PdP
- Tidak mempunyai masalah kesihatan fizikal dan psikologi yang kritikal

Pelaksanaan Bimbingan SIPartners+ dan SISC+

Pelaksanaan bimbingan SIPartners+ dan SISC+ dikategorikan kepada tiga proses bimbingan merangkumi pra bimbingan, bimbingan dan pasca bimbingan. SIPartners+ dan SISC+ boleh merujuk model bimbingan yang bersesuaian semasa melaksanakan proses bimbingan.



Pra Bimbingan

SIPartners+

- Menyediakan profil pengetua /guru besar
- Menyediakan perancangan bimbingan dan mendapatkan kelulusan Pegawai Pendidikan Daerah
- Mengemas kini profil PGB sekurang-kurangnya sekali setahun
- Membina hubungan (*rapport*) dengan PGB
- Mendapatkan data SKPMg2 serta pencapaian sekolah daripada PPD/ JPN sebagai TOV

SISC+

- Menyediakan profil guru dibimbing
- Menyediakan perancangan bimbingan dan mendapatkan kelulusan Pegawai Pendidikan Daerah
- Mengemas kini profil guru dibimbing sekurang-kurangnya sekali setahun
- Membina hubungan (*rapport*) dengan GDB
- Mendapatkan data SKPMg2 Standard 4 dan pencapaian murid daripada kepimpinan sekolah/ PPD/ JPN sebagai TOV



Bimbingan

- Melaksanakan bimbingan mengikut keperluan isu.
- Mengadakan perbincangan bagi cadangan penyelesaian isu (Pelan Tindakan Sekolah)

- Membuat pemerhatian di dalam bilik darjah
- Mengadakan perbincangan berdasarkan Matriks Bimbingan Guru (TCT)
- Membimbing pembangunan guru menggunakan Pelan Pembangunan Guru (TDP)



Pasca Bimbingan

- Mengisi laporan bimbingan dalam Dashboard DTP selepas setiap bimbingan.
- Menyediakan rumusan laporan mingguan.
- Melaporkan kepada pihak pengurusan secara konsisten (2 minggu sekali)
- Pelaporan dapatan bimbingan merangkumi:
 - Pelaksanaan bimbingan
 - Isu-isu yang memerlukan intervensi di peringkat PPD/JPN
 - Cadangan penambahbaikan
- Melaksanakan intervensi (jika perlu).

- Mengisi laporan bimbingan dalam Dashboard DTP selepas setiap bimbingan.
- Menyediakan rumusan laporan mingguan.
- Melaporkan kepada pihak pengurusan secara konsisten (2 minggu sekali)
- Pelaporan dapatan bimbingan merangkumi:
 - Pelaksanaan bimbingan
 - Isu-isu yang memerlukan intervensi di peringkat PPD/JPN
 - Cadangan penambahbaikan
- Melaksanakan intervensi (jika perlu).

Pelepasan pengetua, guru besar dan guru dibimbing

Pengetua, guru besar atau guru dibimbing yang telah mencapai tahap kualiti pengurusan atau pedagogi yang memuaskan serta memenuhi kriteria pelepasan tidak perlu dibimbing lagi oleh SIPartners+ atau SISC+. Indikator ini menunjukkan pemimpin dan guru yang telah mencapai tahap kualiti tinggi dalam kompetensi penyampaian pendidikan. Mereka boleh dijadikan mentor kepada rakan lain dalam organisasinya.


Pengetua atau guru besar boleh dilepaskan daripada bimbingan SIPartners+ apabila memenuhi kriteria berikut:

- peningkatan skor SKPMg2 dua tahun berturut-turut.

Guru boleh dilepaskan daripada bimbingan SISC+ apabila memenuhi kriteria berikut:

- Sekurang-kurangnya 8 aspek TCT berada pada tahap 4 dan 4 aspek pada tahap 3

Sekiranya pengetua, guru besar atau guru dibimbing telah bertukar ke negeri atau daerah lain, terlibat dengan kursus atau bengkel yang bertempoh lama atau mempunyai masalah kesihatan kritikal, mereka juga boleh dilepaskan daripada bimbingan.




Dengan mewujudkan jawatan sepenuh masa di PPD, pembimbing akan dapat memberikan tumpuan penuh kepada tugas sebagai mentor dan membina hubungan yang kukuh dengan guru dan pengetua/guru besar.

Jenis sokongan yang diberikan oleh SISC+ dan SIPartners+ akan disesuaikan mengikut tahap prestasi sekolah tersebut.

(PPPM 2013 - 2025)

PENEMPATAN DAN PERTUKARAN

Urusan penempatan dan pertukaran secara setara dilaksanakan sepanjang tahun. Keputusan penempatan atau kelulusan pertukaran adalah berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Khas Panel Penempatan SIPartners+ dan SISC+ di BPSH. Hanya calon-calon yang berjaya akan dimaklumkan. Proses kerja urusan penempatan dan pertukaran setara SIPartners+ dan SISC+ adalah seperti berikut:



Maklumat terperinci berkaitan perjawatan SIPartners+ dan SISC+ boleh dirujuk dalam Buku Laluan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

1. Proses Pelaksanaan CPD
2. CPD SIPartners+ dan SISC+

4



Pengenalan

Sistem pendidikan akan memperkukuhkan budaya teladan rakan setugas untuk meningkatkan kecemerlangan profesional menerusi pementoran, pembangunan dan perkongsian amalan terbaik, serta meningkatkan kebertanggungjawaban rakan setugas dalam memenuhi standard profesion.

(PPPM 2013 – 2025)

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (*Continuous Professional Development*, CPD) adalah satu kaedah yang sistematik untuk mengekalkan, meningkatkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional untuk menjalankan kerja harian dengan lebih berkesan.

Warga pendidik merangkumi SIPartners+, SISC+ dan pegawai lain di JPN dan PPD merupakan ahli profesional dalam bidang pendidikan. Pembangunan Profesionalisme Berterusan adalah penting untuk

PROSES PELAKSANAAN CPD

memastikan semua pegawai ini melengkapkan diri dengan kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

Sistem pendidikan yang terbaik di dunia menunjukkan pembangunan profesionalisme berterusan lebih berkesan sekiranya jika diterajui oleh pendidik sendiri berbanding dengan yang disediakan dan didorong oleh



CPD SIPARTNERS+ DAN SISC+


organisasi. Prinsip ini menjadi asas dan panduan utama untuk perancangan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan.

Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi SIPartners+ dan SISC+ adalah penting untuk memastikan keberkesanan bimbingan dan pementoran kepada pemimpin sekolah dan guru.

SIPartners+ dan SISC+ sebagai pembimbing serta pakar rujuk perlu peka dengan informasi terkini dalam bidang pendidikan dan sentiasa meningkatkan kompetensi fungsian yang menepati keperluan pembelajaran abad ke-21.

Penentuan tahap kompetensi SIPartners+ dan SISC+

Penentuan tahap kompetensi SIPartners+ dan SISC+ terbahagi kepada 5 peringkat yang bermula dari peringkat *novice* sehingga ke peringkat *mastery*. Tahap kompetensi ini boleh diukur melalui tempoh pengalaman membimbing dan menjawat jawatan pembimbing.



Struktur Kursus SIPartners+ dan SISC+

Kursus peningkatan kemahiran SIPartners+ dan SISC+ terdiri daripada tiga struktur iaitu kursus utama, am dan pilihan. Kursus ini dibangunkan dan dilaksanakan secara bersama oleh Bahagian di Kementerian untuk memenuhi keperluan pembangunan profesionalisme SIPartners+ dan SISC+. Bahagian yang terlibat termasuk Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Lembaga Peperiksaan (LP), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK), Unit Integriti (UI) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG).

Struktur kursus digambarkan dalam rajah di bawah.

Kursus Utama	Kursus Am	Kursus Pilihan
<ol style="list-style-type: none"> Kemahiran bimbingan dan pementoran Kemahiran pedagogi Kurikulum <ul style="list-style-type: none"> KSSR & KSSM Pentaksiran <ul style="list-style-type: none"> Pentaksiran berasaskan sekolah 	<ol style="list-style-type: none"> Kemahiran berfikir aras tinggi Pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2) Saringan literasi dan numerasi (LINUS) Strategi lautan biru (NBOS) Integriti Program Pembangunan Sekolah (PROD) 	<ol style="list-style-type: none"> Isi kandungan mata pelajaran Teknologi maklumat dan komunikasi Bimbingan dan kaunseling Kajian tindakan Pemprosesan data kuantitatif <p>Nota: * tertakluk kepada perubahan</p>

Pengurusan Pembangunan Profesionalisme (Peringkat Antarabangsa)


Selain program peningkatan kemahiran yang disediakan secara berpusat oleh Kementerian, JPN atau PPD, SIPartners+ dan SISC+ juga digalakkan untuk meningkatkan tahap profesionalisme sendiri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SIPartners+ dan SISC+ boleh membangunkan profesionalisme sendiri melalui:

- Peringkat pertama: Penyertaan atau pembentangan dalam negara
- Peringkat kedua: Penyertaan atau pembentangan luar negara
- Peringkat ketiga: Jaringan dan jalinan dengan agensi luar negara

Penyertaan dalam program Pembangunan Profesionalisme adalah tertakluk kepada kelulusan dan keadaan kewangan semasa dengan merujuk kepada surat siaran berikut:

- 1.KP(BPPDP)/S700/079 Jld.2 (23) bertarikh 12 Jun 2013
- 2.KP.1587/17/H/JLD.18 (sk 7) (20) (1) bertarikh 13 April 2012



BIMBINGAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH

1. Proses pelaksanaan bimbingan
2. Fokus bimbingan

5



Pengenalan

Khidmat bimbingan dilaksanakan bagi tujuan peningkatan kualiti kepimpinan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran barisan hadapan sekolah. Pelbagai pendekatan boleh diambil khususnya bimbingan dan pementoran untuk membantu pemimpin sekolah menyelesaikan isu-isu di sekolah dan membina hubungan dengan warga sekolah.

Khidmat bimbingan berfokuskan kepada objektif dan matlamat PPPM 2013-2025 yang menekankan keberhasilan (kehadiran murid, kualiti dan ekuiti), input (disiplin murid, keberadaan guru, kualiti guru dan kepimpinan sekolah) dan lain-lain aspek pengurusan dan kepimpinan di sekolah (contohnya keperluan guru dan kakitangan di sekolah, tindakan tatatertib, kewangan, kawalan keselamatan dan kebersihan dan sebagainya).

Tanggungjawab

Pegawai Pendidikan Daerah bertanggungjawab untuk memberi khidmat bimbingan kepada sekolah. Khidmat bimbingan ini dilaksanakan secara individu atau bersama-sama dengan pegawai PPD, SIPartners+ dan SISC+.

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah boleh melaksanakan khidmat bimbingan semasa ketiadaan Pegawai Pendidikan Daerah atas keperluan dalam keadaan berikut:

- ketidakberadaan PPD melebihi seminggu (sakit, kursus, bercuti, dan sebagainya); dan
- semasa pemangkuhan.

PELAKSANAAN BIMBINGAN

Pegawai Pendidikan Daerah boleh melaksanakan bimbingan ke sekolah berpandukan lima langkah berikut :

1. Menganalisis data inidikator pencapaian sekolah termasuk keberhasilan murid, keberadaan guru, kualiti guru dan kepimpinan sekolah untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang paling memerlukan bimbingan.
2. Menyusun jadual khidmat bimbingan dan mengutamakan sekolah yang paling memerlukan bimbingan. Fokus bimbingan dikenalpasti supaya bimbingan menjurus ke arah penyelesaian masalah. Mesyuarat atau aktiviti peringkat JPN dan PPD boleh diselaraskan bagi mengelakkan pertindanan.

Pemimpin yang berwibawa adalah penting bagi memastikan kejayaan sesuatu perubahan dalam organisasi.

Sejajar dengan perubahan keperluan sekolah, skop tugas dan tanggungjawab JPN dan PPD juga perlu berubah.

Sebagai entiti Kementerian yang paling hampir dengan sekolah, PPD terutamanya diharapkan dapat melibatkan diri dalam menyediakan sokongan langsung dan membantu mengurus prestasi sekolah.

(PPPM 2013 – 2025)


3. Melaksanakan bimbingan dan memberi cadangan penambahbaikan.
4. Mendapatkan maklum balas sekolah dan menyediakan laporan bimbingan secara berkala.
